

BENGKEL KEBANGSAAN PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Bagi pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS), saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dari institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, serta wakil-wakil dari jabatan kerajaan serta badan berkanun ke UMS amnya dan ke bengkel kebangsaan pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya.

Impak Globalisasi

Dunia sedang menghadapi gelombang pantas. Persekutuan ekonomi dunia semakin bergolak. Kecanggihan teknologi bertambah hebat. Bahang globalisasi menghangatkan lagi persaingan. Percaturan politik dunia juga kian memuncak. Semua cabaran ini mendatangkan kesan kepada kita. Kita tiada pilihan lain kecuali berhadapan dengan realiti yang menuntut kita melakukan anjakan paradigma dalam pendekatan pengurusan dan pentadbiran negara.

Globalisasi memberikan impak yang besar terhadap ekonomi, politik dan sosiobudaya masyarakat dunia. Dalam bidang ekonomi, pengaruh kuasa ekonomi dunia terhadap negara membangun dan miskin sangat besar. Syarikat multinasional begitu berpengaruh sehingga dapat menentukan jatuhan bangun sesebuah kerajaan. Peristiwa hitam pada Julai 1997 menggambarkan betapa faktor keamanan dan politik membawa impak besar terhadap ekonomi dunia. Apabila matawang Baht diserang oleh kumpulan pemodal yang berpengaruh, kesannya telah menyebabkan berlakunya krisis ekonomi dan kewangan paling buruk dalam sejarah Asia.

Kewujudan *world trade organization* menggambarkan betapa perdagangan antarabangsa adalah agenda utama abad ini. Pasaran dunia mula terbuka luas. Negara-negara membangun terpaksa membuka pasaran mereka untuk kemasukan barang dari negara maju atas desakan berterusan kuasa besar dunia. Kuasa pasaran atau *market forces* telah menjadi senjata untuk memaksa kuasa ekonomi yang lemah membuka ruang untuk kemasukan *the big players*.

Globalisasi juga telah mengubah landskap politik dunia. Konsep negara bangsa telah mula tergugat dan lenyap. Negara membangun dan mundur mula menerima tekanan daripada kuasa utama dunia, untuk menerima makai citra politik mereka. Dunia juga berhadapan dengan ancaman konflik ketenteraan dalam bentuk baru. Kemunculan gerakan pengganas yang bertopengkan agama telah menjadi ancaman baru kesejahteraan dunia.

Bahkan, globalisasi turut berpengaruh dalam mencorakkan budaya dan nilai baru manusia. Penghijrahan besar-besaran adalah hasil ledakan proses globalisasi. Kita sudah menjadi warga dunia dan tidak lagi melihat sempadan geopolitik sebagai pemisah. Asimilasi silang budaya mula menebal. Negara di dunia sudah menjadi negara yang begitu *diversified* sifatnya. Hampir 25 peratus penduduk Eropah, umpamanya adalah golongan penghijrah.

Pengaruh media massa juga telah mula menggugat nilai dan budaya timur. Anak-anak kita sudah melihat barat sebagai ikutan. Hiburan mereka semuanya dari barat. Lalu kelangsungan pemikiran mereka juga kebaratan. Jika kita tidak terlibat mencorakkan proses globalisasi ini, kita khawatir akan kehilangan identiti sebagai bangsa timur yang berbudaya dan berhemah.

Cabaran IPT Terhadap Globalisasi

Peralihan fokus pembangunan Malaysia kepada pembangunan ekonomi yang berteraskan pengetahuan *knowledge based* adalah respons pantas kita terhadap proses globalisasi. Kerajaan sedar bahawa untuk terus kekal kompetitif sebagai sebuah negara perdagangan utama dunia, maka haruslah dipastikan kita membangunkan sumber manusia, agar ia boleh menjadi warga kosmopolitan. Kerajaan melihat bahawa k-ekonomi adalah prasyarat untuk mencapai status negara maju dan beban untuk merealisasikan dasar ini terletak pada kita sebagai warga universiti.

Universiti tempatan harus memikirkan semula peranannya untuk menyahut cabaran globalisasi. Kita harus bersedia untuk bersaing dengan pesaing daripada luar dan melahirkan graduan yang boleh bertindak sebagai warga global. Kita harus memberikan pendidikan yang bermutu serta mendapat pengiktirafan dunia, dan pada masa yang sama membuka ruang yang seluas-luasnya untuk pelajar dari seluruh dunia. Kita tidak lagi boleh berpuas hati dengan pencapaian kita sebagai penyumbang kepada keperluan guna tenaga negara semata-mata. Kita mesti menjadi penyumbang kepada keperluan tenaga manusia di peringkat global.

Di samping itu, IPTA tempatan harus merangka strategi untuk mendahului persaingan di peringkat antarabangsa. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan terkemuka di rantau Asia. Inilah juga justifikasinya kenapa kita merasakan bengkel ini penting dalam membantu merealisasikan hasrat kerajaan tersebut.

Perancangan teliti dan strategik amat perlu untuk memastikan kita melakukan pembaharuan yang diperlukan. Kita perlu menjadikan agenda pengantarabangsaan ini sebagai agenda nasional yang menjadi sebahagian daripada dasar pendidikan utama negara. Institusi pengajian tinggi tempatan perlu menggembungkan tenaga dan merangka mekanisme yang *cohesive* dan dilaksanakan berperingkat-peringkat untuk tempoh waktu yang ditetapkan. Pada masa yang sama juga usaha hendaklah dijalankan untuk menilai mekanisme yang dicadangkan dari masa ke semasa bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa.

Untuk merangka strategi pengantarabangsaan dengan berkesan, kita perlu memahami kesan globalisasi terhadap pendidikan tinggi di Malaysia. Kita berhadapan dengan situasi di mana keperluan pendidikan tinggi telah meningkat secara mendadak hasil daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang memberangsangkan. Peningkatan kualiti hidup, di samping kemajuan teknologi maklumat telah menyebabkan universiti meluaskan pasarannya dengan membuka ruang kepada pelajar daripada seluruh dunia.

Tenaga akademik dan profesional yang berpendidikan tinggi juga begitu diperlukan di pasaran antarabangsa. Mereka bukan bekerja di suatu tempat sahaja tetapi menyumbang khidmat bakti di pelbagai negara dan pelbagai organisasi antarabangsa. Kemajuan teknologi maklumat dengan pencapaian *internet* yang pantas telah meletakkan parameter fizikal universiti dan menjadikan universiti itu *virtual* sifatnya. Semua fenomena ini memerlukan kita merangka dasar spesifik untuk menangani tren global ini secara berkesan.

Namun demikian, globalisasi juga telah melahirkan banyak ketidakseimbangan dan kelemahan yang nyata yang kita perlu atasi dalam proses pengantarabangsaan ini. Kita harus menerima hakikat bahawa sistem saintifik global didominasi oleh beberapa negara tertentu sahaja. Teknologi moden dan pencapaian sains terkini hanya dimiliki oleh syarikat multinasional dan institusi akademik di negara barat serta negara maju.

Dominasi Bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi serta pengaruhnya dalam usaha-usaha penerbitan dan penyelidikan telah memberikan kelebihan kepada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi maksud pengajaran dan penyelidikan. Kemudahan pembelajaran serta kemampuan negara maju menawarkan pendapatan tinggi kepada tenaga akademik yang berkelayakan menyebabkan berlakunya penghijrahan yang besar-besaran ke negara maju. Perkara ini menyebabkan semua negara membangun mendapati bahawa mereka masih lagi bergantung dengan kuasa besar dalam bidang akademik.

Semua ini merupakan cabaran paling besar dalam usaha pengantarabangsaan dalam menjadikan institusi pengajian tempatan sebagai alternatif kepada para pelajar di seluruh dunia untuk mendapat pendidikan tinggi. Juga, cabaran terhadap keupayaan kita menyiangi kekuatan yang mereka ada, dan sekiranya kita berupaya, apakah *niche* yang mampu kita tawarkan untuk memberikan kelebihan yang menjadi pilihan pelajar luar. Mampukah kita menawarkan kualiti akademik yang tersohor kredibilitinya? Berupayakah kita meningkatkan kemudahan pembelajaran kita, agar setanding dengan negara maju? Bersediakah semua pihak dan birokrasi negara menjadikan pendidikan tinggi sebagai sumber pendapatan utama negara? Semua itu ini perlu diperhalusi dan didebatkan secara berani dan terbuka.

Peranan Kerajaan

Saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa peranan utama kerajaan ialah untuk merangka dasar yang komprehensif dalam agenda pengantarabangsaan ini. Kerajaan melihat bahawa pengantarabangsaan pendidikan tinggi akan memanfaatkan negara dalam jangka masa panjang. Manfaat yang paling nyata ialah dari segi faedah akademik. IPTA tempatan akan dapat menarik pelajar dan pengajar dari berlainan latar belakang untuk membawa bersama mereka tradisi akademik yang berlainan. Ini akan memperkayakan khazanah keilmuan negara dan bangsa.

Kehadiran pelajar dari pelbagai negara juga akan mendedahkan Malaysia dengan pelbagai budaya dan nilai sosial yang akan memperkayakan lagi citra Malaysia moden. Kerajaan juga percaya bahawa keda-tangan pelajar asing akan membawa banyak pulangan pendapatan yang akan menjadi sumber pendapatan utama negara dan universiti tempatan. Sudah pasti kejayaan kita menarik pelajar dan penyelidik asing akan memberikan kesan mendalam dalam hubungan dan pengaruh politik kita di peringkat antarabangsa. Oleh itu, perkara ini akan mengukuhkan lagi hubungan perdagangan dan diplomasi kita dengan negara serantau pada masa akan datang.

Untuk menjayakan agenda pengantarabangsaan ini, kerajaan harus memastikan kualiti kursus-kursus di universiti tempatan yang ditawarkan dan juga kursus universiti luar yang diajar oleh universiti tempatan dipantau secara berterusan. Aspek regulasi dan kawal selia juga merupakan kewajipan kerajaan yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Jika kita boleh mengatasi semua cabaran ini, maka tidak mustahil suatu hari nanti kita akan menjadi negara pengekspor tenaga mahir yang terpenting di dunia.

Apabila berhadapan dengan isu pengangguran siswazah, maka wajarlah kita merenung kembali pencapaian kita. Kegagalan melahirkan siswazah yang mampu berkhidmat di luar negara atau meneroka peluang pekerjaan di peringkat antarabangsa haruslah diinsafi. Oleh itu, kita harus memastikan kita tidak lagi mengulangi kesilapan perhitungan. Kita seterusnya harus berfikir dan berjiwa besar.

Kita harus menjadikan institusi pendidikan tempatan sebagai institusi yang mampu melahirkan kualiti manusia yang sejagat sifatnya, yang tidak kenal sempadan daerah geografi, yang *adventurous* dan *versatile*. Kita tiada pilihan kecuali melahirkan warga kosmopolitan, yang selesa mengurus organisasi pelbagai budaya dan berkhidmat di serata dunia.

Keyakinan Terhadap Kewibawaan IPT

Saya yakin dan percaya Malaysia boleh memberikan kepimpinan dalam pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa. Pencapaian Malaysia dalam pembangunan ekonomi telah banyak dicontohi oleh kebanyakan negara membangun. Saya percaya jika kita dapat memainkan peranan yang lebih progresif dalam usaha pengantarabangsaan ini, kita akan dapat memberi teladan kepada negara membangun lain. Malaysia pastia akan menjadi pusat pendidikan tinggi pilihan mereka. Bayangkan jika warga dari benua Afrika, China serta Asia datang untuk mendapatkan pendidikan tinggi mereka di Malaysia, sudah pasti kita akan dapat mencorakkan pemikiran mereka, dan membolehkan mereka melihat pengaruh lain selain daripada pengaruh barat.

Peristiwa kita dapat membentuk mereka dengan pendekatan yang lebih berbeza, sesuai dengan keluhuran nilai dan budaya adalah selari dengan dasar kita yang mementingkan pendidikan bersepada dan holistik. Kita ingin memastikan pendidikan yang diberikan mempunyai kekuatan sendiri, iaitu dari segi moral dan nilainya. Kita percaya nilai kita di timur harus menjadi aset paling penting untuk diketengahkan. Kita tidak ingin mencontohi semua yang datang dari barat. Kita ada kekuatan yang tiada di barat, dan kekuatan inilah yang ingin diterapkan melalui pendidikan yang kita tawarkan. Pendidikan berbudaya, berakhlik, yang mempunyai keluhuran dan citra tersendiri.

Bayangkan jika mereka yang mendapat pendidikan mereka di Malaysia dan menjadi pemimpin negara mereka suatu hari nanti, maka akan eratlah lagi hubungan antara kita dengan negara membangun lain. Maka Malaysia ketika itu akan menjadi negara yang mencorakkan proses globalisasi, menyumbang kepada kesejahteraan keamanan dunia dan manusawi.

Saya percaya usaha kita pada hari ini adalah langkah yang betul ke arah memperjuangkan kualiti dan profesionalisme pendidikan tinggi negara.

Untuk itu, saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua peserta. Semoga dengan adanya perkongsian kepakaran dan pengalaman para peserta akan dapat mencapai objektif bengkel demi kepentingan pendidikan negara pada masa hadapan. Sesungguhnya, kitalah katalis kepada pembangunan pendidikan negara bangsa.

Ucapan di Bengkel Kebangsaan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Malaysia di Galeri Aras 3, Bangunan Canselor pada 1 Oktober 2002.